

BH : Varsiti 22/1 (Khamis)
m/s V1

Teka-teki final kian memuncak

Putrajaya: Debaran 30 finalis dalam tiga Kategori Berkumpulan dan tujuh Kategori Individu semakin berdegup kencang menjelang keputusan akhir pertandingan Anugerah Ikon Varsiti BH 2013, 27 Februari depan.

Senarai pendek penyertaan dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (PTS) berkenaan diumumkan pada majlis yang turut dihadiri Pengarah Bahagian Hal Ehwal dan

Pembangunan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Ibrahim Ali, di sini baru-baru ini.

Ketika berucap pada majlis berkenaan, Ibrahim menyifatkan kepelbagaian kategori dipertandingkan dalam anugerah berprestij itu memang bersesuaian dengan hala tuju sektor pengajian tinggi yang ingin melahirkan graduan berdikari dan berdaya saing.

Yang turut hadir wakil penaja, iaitu

Naib Presiden Kanan Pemasaran dan Komunikasi Bank Rakyat, Saliman Zainal, serta Pengurus Besar Divisyen Perundangan dan Perkhidmatan Korporat Putrajaya Holdings, Aminah Baba, selain Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Badrulhisham Othman; Pengarang Eksekutif Mingguan/BH2, Zainor Said dan Pengarang Pendidikan BH, Fadzlena Jafar.

○ V4, V5

